

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN  
KASSIM [ ARAU ]**  
**TARIKH** : **11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 30**

**Y.B. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ ARAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pihak Kerajaan telah berhutang melebihi RM125 bilion, mengambil pula wang Petronas sebanyak RM80 bilion dan menjual aset-aset negara sebanyak RM20 bilion:-

- (a) mohon penjelasan, berapa banyakkah aset yang perlu dijual lagi oleh pihak Kerajaan bagi meneruskan kelangsungan Kerajaan; dan
- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa prestasi urus tadbir kewangan kini sangat teruk dan adakah Yang Berhormat bersedia mengambil tanggungjawab di atas kecelaruan berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini tiada aset Kerajaan yang dijual dan perancangan penjualan aset bergantung kepada keperluan pada masa akan datang. Keputusan pelupusan aset adalah diuruskan oleh Jabatan Perdana Menteri di bawah YAB Perdana Menteri.

Sehingga akhir Oktober 2019, jumlah pinjaman kasar bagi 10 bulan pertama 2019 adalah sebanyak RM121 bilion iaitu bagi membiayai semula hutang yang matang sebanyak RM61.7 bilion untuk tempoh Januari sehingga Oktober 2019 dan baki RM59.3 bilion adalah untuk membiayai defisit dan *prefunding* untuk hutang yang akan matang dalam tempoh November dan Disember 2019. Oleh yang demikian, kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Oktober 2019 adalah sebanyak RM800.5 bilion atau 52.8% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Kedudukan kewangan Kerajaan pada masa ini adalah baik di mana Kerajaan telah berjaya mengurangkan defisit daripada 3.7% pada 2018 dan dianggarkan terus berkurang kepada 3.4% pada tahun ini dan 3.2% pada 2020. Prestasi ini turut disokong dengan tahap penarafan kredit yang kekal pada kategori 'A'. Pengekalan penarafan kredit menunjukkan keyakinan agensi penarafan kredit antarabangsa ke atas pengurusan ekonomi negara.

Pada 2019, Kerajaan dijangka menerima dividen Petronas berjumlah RM54 bilion merangkumi RM24 bilion dividen tahunan berdasarkan prestasi keuntungan Petronas dan harga minyak mentah dunia. Baki RM30 bilion adalah dividen khas bagi membiayai tunggakan bayaran balik cukai pendapatan dan GST yang diwarisi daripada pentadbiran terdahulu.

Dari segi tadbir urus kewangan, pelbagai langkah telah dilaksanakan termasuk penubuhan Jawatankuasa Khas Parlimen, Jawatankuasa Pengurusan Hutang dan Jawatankuasa Pembaharuan Cukai. Di samping itu, Kerajaan juga akan memperkenalkan Akta Perolehan Kerajaan dan Akta Tanggungjawab Fiskal. Kesemua langkah ini bagi memastikan pengurusan kewangan yang lebih cekap, telus dan bertanggungjawab.